

'Panduan Penting Kepada Pengurusan dan Penyelenggaraan Strata di Sarawak' dirasmi

KUCHING: 'Panduan Penting Kepada Pengurusan dan Penyelenggaraan Strata di Sarawak' telah dirasmikan oleh Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian di Hotel Grand Palace Miri semalam.

Beliau yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) ditemani Timbalan I MPHLG Datu Dr Penguang Manggil dan Timbalan II MPHLG Michael Tiang Ming Tee.

Turut hadir sama adalah Setiausaha Tetap MPHLG Datu Antonio Kahti Galis, Presiden Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA) Augustine C.H. Wong dan Pengerusi SHEDA Cawangan Miri James Hii Sing Lung.

Siri seminar tersebut telah berlangsung di Miri, Bintulu, Sibu dan Kuching antara lain merupakan usaha SHEDA, MPHLG dan Jabatan Tanah dan Survei untuk menjelaskan beberapa perkara penting dan membimbing pihak berkepentingan melalui peruntukan berkaitan Ordinan Pengurusan Strata 2019, Peraturan-Peraturan Strata (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 2022

dan Ordinan Strata (Gelaran Subsidiari) 2019, yang berkuat kuasa awal tahun ini.

Lebih 500 peserta terdiri daripada pemaju hartanah, pengurus hartanah, guaman, juruukur, arkitek, pihak berkuasa tempatan, perbankan, ejen hartanah telah mendaftar.

Penyertaan yang mendapat sambutan tersebut mencerminkan keperluan dan kepentingan untuk memahami dan menggunakan perundangan dalam proses dan prosedur yang mempengaruhi kehidupan berstrata setiap hari, kata kenyataan berkenaan semalam.

Seminar di Miri dan Kuching adalah paling mendapat sambutan dan habis ditempah pada kapasiti maksimum.

Pihak yang berminat yang masih belum mendaftar dinasihatkan agar menghubungi Yek Leh Ting di talian 016-807 3450 atau Hanson Ling (019-814 0150) untuk bahagian Bintulu manakala Sibu dengan menghubungi Cecil Lau (016-870 6736) atau Vanessa Yong (016-890 8521) untuk menyertai peluang terhad berkenaan.

Sesi di Bintulu akan diadakan pada 24 dan 25 Ogos 2022 manakala sesi di Sibu akan diadakan pada 5 dan 6 September 2022.